

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

AMU403 - PEMASARAN ANTARABANGSA

Masa : [3 jam]

---

ARAHAN

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan di BAHAGIAN A adalah WAJIB dan pilih EMPAT soalan dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A (WAJIB)

---

1. Tuliskan nota ringkas bagi 5 daripada konsep-konsep yang disenaraikan di bawah
  - (a) Pemasaran perbandingan (comparative marketing).
  - (b) Pengubahsuaian budaya (cultural adaptation).
  - (c) Cukai spesifik dan cukai 'ad-valorem' (specific tariff and ad-valorem tariff).
  - (d) Perdagangan balas (counter trade).
  - (e) Zon perdagangan bebas (free trade zone).
  - (f) Matawang utama dan matawang bebas (key currency and free currency).
  - (g) 'Confiscation' dan 'Nationalization'.

AMU403

- (h) Pelaburan asing (foreign direct investment).
- (i) Pembelian semula (buy-back arrangement).
- (j) Surat kredit (letter of credit).
- (k) Dana Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund).
- (l) Perjanjian perdagangan pelbagai-hala. (multi-lateral trade agreements).

[20 markah]

**BAHAGIAN B**

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

- 2. (a) Faktor-faktor persekitaran memberi pengaruh yang ketara dalam membuat penilaian ke atas pasaran dunia. Jelaskan faktor-faktor tersebut dan pengaruhnya kepada petunjuk daya tarikan (attractiveness indicator) suatu pasaran.
- (b) Andaikan anda sebagai pengeluar barangan permainan. Apakah pengaruh peranan sosial, ugama, kadar 'literacy', kuasa beli dan saiz unit keluarga yang akan anda hadapi, dan bagaimana ianya memberi kesan kepada pengenalanpastian pasaran yang menarik bagi barangan anda?

[20 markah]

- 3. Negara-negara maju kini bukan lagi satu-satunya pembekal barangan perkilangan (manufactured product) kepada pasaran dunia. Ini ada kaitannya dengan perubahan arah aliran perdagangan dunia dari konsep 'air terjun' (waterfall concept) kepada konsep 'pancur' (shower concept).

Jelaskan kebenaran kenyataan di atas dari sudut perdagangan dunia semasa.

128

[20 markah]

AMU403

4. Perdagangan dan pemasaran di peringkat antarabangsa sangat dipengaruhi oleh Institusi Kewangan Antarabangsa dan kegiatan kawalan yang mereka amalkan. Jelaskan pernyataan di atas dengan mengambil kira kadar pertukaran (exchange rate), SDR dan imbalan pembayaran (balance of payment).

[20 markah]

5. Penyelidikan pemasaran antarabangsa lebih mementingkan pengenalanpastian keperluan pasaran antarabangsa berbanding dengan keperluan pengguna yang khusus. Bincangkan sama ada kenyataan ini benar.

[20 markah]

6. Pemasar-pemasar menghadapi pelbagai kesukaran dalam memasarkan barangan yang seragam (standardized product) di pasaran antarabangsa. Untuk mengatasi masalah ini, pengubahsuaian perlu dibuat ke atas barangan tersebut. Apakah atribut-atribut utama barangan tersebut yang perlu dipertimbangkan apabila anda membuat penilaian ke atas kos pengubahsuaian itu?

[20 markah]

7. Harga pindahan (transfer pricing) bukanlah satu kaedah yang adil bagi meletakkan harga barangan di dalam pasaran antarabangsa. Ia memberi kelebihan yang tidak sepatutnya kepada pengilang asing. Adakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Bincangkan.

[20 markah]

8. Dokumentasi merupakan aktiviti yang penting di dalam pemasaran antarabangsa. Sekiranya anda hendak memasarkan kasut dan pakaian yang berjenama, senaraikan semua dokumen-dokumen yang diperlukan dan jelaskan isi kandungan bagi setiap satu daripada dokumen tersebut.

[20 markah]